Aktiviti asas menggambar turut memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan untuk pelatih autisme di PDK. Melibatkan diri dengan aktiviti asas menggambar memberi peluang kepada pelatih autisme meneroka dengan pelbagai bahan-bahan mewarna, melukis, bentuk, saiz, struktur dan fungsi sesuatu bahan. Malah aktiviti asas menggambar juga membantu pelatih autisme menggunakan pengalaman deria mereka ketika melaksanakan aktiviti tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah



Berdasarkan Teras Strategik 3 dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKW 2016) iaitu meningkatkan akses OKU kepada pendidikan berkualiti dan inklusif di semua peringkat termasuk pendidikan sepanjang hayat ke arah pembangunan modal insan yang berbakat dan berpotensi tinggi. Selain itu di Teras Strategik 3 juga ada dinyatakan untuk program jangka masa yang panjang iaitu satu keperluan menyediakan modul latihan mengenai pendidikan murid-murid berkeperluan khas untuk latihan pra perkhidmatan guru dengan mensasarkan satu modul yang komprehensif dibangunkan oleh KPM atau NGO.





Pengkaji sendiri mendapati buku Garis Panduan Latihan Pemulihan OKU dalam Komuniti bagi Komponen Seni dan Kraftangan, (2003) di muka surat 65 dan 66 tidak menjelaskan secara terperinci tentang objektif tentang komponen seni dan kraftangan. Richard & Sharon (2014) menegaskan bahawa perkembangan seni visual dalam kurikulum tidak sepatutnya pada tahap pendedahan sahaja dalam sistem pendidikan, ia harus dimasukkan sebagai pembelajaran yang memerlukan satu kurikulum yang lengkap dan tersusun. Oleh itu terdapat keperluan untuk membina modul pengajaran asas menggambar yang dapat menyediakan pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel, menarik, berfokus dan bersesuaian dengan keupayaan serta kebolehan pelatih autisme di PDK.



Permasalahan pertama ialah kekurangan modul atau buku panduan dan bahan sokongan yang lain, khusus untuk PdP petugas PDK yang mengajar pelatih autisme dalam komponen Seni dan Kraftangan. Walaupun kerajaan serta pihak NGO begitu prihatin terhadap golongan autisme, masih terdapat pelbagai masalah dalam pelaksanaan program-program yang melibatkan pelatih tersebut. Ini termasuklah penyediaan kurikulum komponen Seni dan Kraftangan untuk kemahiran motor halus. Ketika merancang untuk aktiviti seni dan kraftangan banyak petugas tidak mengetahui jenis aktiviti yang sepatutnya diajarkan kepada pelatih autisme. Hal ini berlaku



demikian kerana tidak banyak bahan disediakan untuk petugas-petugas sebagai garis panduan seperti modul dan bahan sokongan pengajaran yang lain.

Permasalahan kedua pula ialah kurangnya pengetahuan, pendedahan petugas PDK dalam bidang Seni Visual selain pengalaman dalam aktiviti menggambar yang terhad. Kajian mendapati hanya lapan orang guru daripada 63 orang petugas yang menjadi responden (12.70%) mempunyai asas yang kukuh dalam Seni Visual. Walau bagaimanapun, 84.13% petugas-petugas amat berminat untuk mengajarkan asas menggambar kepada pelatih autisme. Oleh itu berdasarkan dapatan ini adalah wajar bagi petugas PDK mendalami pengetahuan tentang asas menggambar tersebut.

Kajian Noraini, Faridah, Manisah & Safani (2001) dalam Noor Aini & Norhafizah (2015) menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada kecekapan dan kemahiran seseorang guru. Pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar OKU dapat menentukan kejayaan proses PdP yang dilaksanakan. Petugas sebagai guru atau agen perubahan perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran. Pengalaman ini turut disokong oleh Baskaran dan Kasran (2015) yang mendapati bahawa penggunaan strategi, kaedah, bahan bantu serta pengetahuan dan kemahiran seseorang guru juga memainkan peranan yang penting untuk mengajar individu kurang upaya. Kesimpulannya strategi, aktiviti



dan bahan sokongan pengajaran yang direka seperti modul pengajaran asas menggambar mampu menarik minat pelatih-pelatih autisme agar mereka dapat melaksanakan aktiviti asas menggambar berdasarkan teknik dan kaedah yang sesuai.

Bertitik-tolak daripada keperluan tersebut, penyelidik berhasrat untuk menjalankan kajian dalam bidang seni visual untuk membangunkan sebuah modul pengajaran PDK asas menggambar untuk petugas yang mengajar pelatih autisme. Modul pengajaran PDK asas menggambar yang dibina adalah sebagai bahan sokongan dan panduan kepada petugas untuk melaksanakan aktiviti asas menggambar terhadap pelatih autisme. Petugas boleh mengubahsuai teknik pengajaran dan tajuk mengikut kesesuaian pelatih tersebut. Modul asas menggambar ini dijangka dapat membantu pelatih di PDK kerana modul tersebut boleh digunakan sebagai bahan sokongan untuk mengajar pelatih autisme. Hal ini kerana, modul pengajaran asas menggambar didapati berpotensi untuk diaplikasikan secara optimum dalam aktiviti motor halus kepada pelatih autisme bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif, dinamik, dan menyeronokkan.





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk membina sebuah Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme yang menjurus kepada lima aktiviti iaitu lukisan, catan, resis, capan, dan cetakan. Setiap aktiviti asas menggambar akan disertakan dengan langkah pengajaran dan disertai borang senarai semak sebagai panduan untuk menilai hasil karya menggambar. Petugas akan mengikuti langkah-langkah pengajaran sebagaimana yang dinyatakan dalam modul pengajaran sebagai panduan. Walau bagaimanapun petugas boleh membuat pengubahsuaian ke atas aktiviti menggambar dan teknik mengajar mengikut kreativiti, keistimewaan dan keunikan pelatih autisme

tersebut.

Selain itu, tujuan kedua ialah untuk mengenal pasti jenis-jenis aktiviti asas menggambar yang sesuai dengan kefahaman dan kemampuan pelatih autisme berdasarkan aktiviti yang dijalankan oleh golongan tersebut. Penilaian akan dilaksanakan berdasarkan borang senarai semak untuk mengetahui tahap penguasaan pelatih autisme terhadap aktiviti asas menggambar yang telah dilaksanakan.





1.5 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti keperluan pembinaan Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme dalam kalangan petugas PDK.
2. Membangunkan sebuah Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme.
3. Menganalisis tahap kemampuan pelatih autisme terhadap aktiviti asas menggambar yang dicadangkan dalam Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme.
4. Menilai kebolehgunaan Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme oleh petugas PDK.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, soalan kajian akan dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan, dan Fasa Implementasi dan Penilaian.





1.6.1 Fasa 1: Analisis Keperluan

1. Bagaimanakah tahap keperluan Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme dalam kalangan petugas PDK?

1.6.2 Fasa 2: Analisis Reka Bentuk dan Pembangunan

2. Apakah reka bentuk dan pembangunan Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar yang sesuai dengan pelati autisme?

1.6.3 Fasa 3: Analisis Implementasi dan Penilaian

3. Bagaimanakah tahap kemampuan pelatih autisme dalam menghasilkan karya asas menggambar?
4. Bagaimanakah penilaian kebolegunaan modul pengajaran PDK bagi aktiviti menggambar untuk pelatih autisme bagi tujuan pengajaran oleh petugas PDK?





1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian didasari dengan teori MODEL Bandura (1963), Model ADDIE (2006), dan Model ASSURE (1993). Model ADDIE (2006) yang terdiri daripada lima fasa iaitu; (i) analisis, (ii) reka bentuk, (iii) pembangunan (iv) pelaksanaan serta (iv) penilaian. Model ADDIE dijadikan sebagai rangka keseluruhan kajian ini yang bermula dari mengenal pasti sasaran pengguna modul iaitu petugas di PDK yang akan menjadi pengguna modul pengajaran tersebut. Peringkat permulaan, satu set soal selidik diedarkan dan sesi temu bual dijalankan untuk mengetahui tentang keperluan pembinaan modul pengajaran asas menggambar tersebut dalam kalangan petugas yang akan mengajarkan pelatih autisme.

Model ASSURE (1993) yang terdiri daripada enam peringkat iaitu iaitu (i) analisa, (ii) nyatakan objektif (iii) pilih kaedah dan strategi/pemilihan bahan aktiviti menggambar (iv) menggunakan bahan dan media (v) pelibatan pelatih autisme, dan (vi) nilai dan semak. Pemeringkatan ini diguna pakai bagi membangunkan Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar. Manakala teori MODEL Bandura (1963) diaplikasi untuk mengajarkan asas menggambar kepada pelatih autisme. Setelah draf modul pengajaran siap dibangunkan, penyelidik telah mengimplementasi draf tersebut dengan memilih secara rawak tiga orang pelatih autisme sebagai responden kajian.





Semasa kajian dijalankan, petugas PDK yang akan mengajarkan aktiviti menggambar kepada pelatih autisme dan dibantu oleh penyelidik dan pembantu penyelidik.

Seterusnya Teori MODEL Bandura (1963) ini menekankan bahawa tingkah laku manusia berlaku hasil daripada hubungan antara persekitaran dengan kognitif manusia. Pembelajaran bermula apabila seseorang telah mula bertindak dengan sesuatu rangsangan. Teori ini menegaskan bahawa pembelajaran seseorang itu berlaku dengan cara memperhatikan orang lain melakukannya. Menurut Rahil, Jamiah dan Kasnani (2000) dalam Tan (2010) dan Ismail et.al (2014), Teori MODEL Bandura ialah pembelajaran melalui proses permodelan (*modeling*) iaitu melalui pemerhatian dan peniruan sebagai gerak balas yang ditonjolkan.

Petugas PDK memainkan peranan sebagai model atau pemudah cara yang mendemonstrasi aktiviti asas menggambar. Petugas membuat pemerhatian setiap langkah aktiviti yang dilakukan oleh petugas melalui teknik demonstrasi. Menurut Mook (2010) demonstrasi adalah salah satu jenis kaedah yang melibatkan kemahiran guru menunjukkan langkah demi langkah melalui aktiviti penglihatan dan pendengaran di hadapan pelajar. Kaedah demonstrasi digunakan supaya pelatih-pelatih akan lebih mudah faham apa yang diajar oleh petugas.






Oleh hal yang demikian, petugas perlu menguasai ilmu tersebut sebelum mengajarkan kepada pelatih autisme. Kedua, alat bantu mengajar (ABM) untuk aktiviti menggambar memainkan peranan utama sebagai bahan rangsangan dan pencetus idea. Kepelbagaian ABM seperti penggunaan media elektronik, carta, gambar, dan bahan maujud akan menjadi aspek peniruan oleh pelatih yang mampu memberikan kesan yang optimum kepada kefahaman mereka terhadap sesuatu aktiviti yang akan dilaksanakan. Kajian oleh Rizalina (2014) bahawa guru memainkan peranan yang penting dengan melaksanakan tugas seperti mendiagnos, menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran, memilih kaedah pengajaran, menyusun aktiviti dan memilih bahan pembelajaran. Selain itu, petugas PDK yang berperanan sebagai pengajar, pemudah cara, pembimbing, perancang dan mencipta pembaharuan dalam aktiviti pengajaran asas menggambar untuk pelatih autisme.

Secara keseluruhannya, kerangka ini dibina dalam fasa-fasa kitaran yang menghubungkan daripada fasa satu hingga ke fasa tiga. Proses dalam setiap fasa boleh diulang semula sekiranya dapatan yang diperolehi daripada fasa penilaian menunjukkan modul yang dibangunkan kurang menepati objektif yang ditetapkan.





Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian yang diadaptasi dan diubahsuai daripada Model ADDIE (2006), ASSURE (1993), dan Teori MODEL Bandura (1963)




1.8 Model Pembinaan Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme

Prosedur pembinaan Modul Pengajaran dan Penilaian PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme dalam kajian ini adalah merujuk kepada model pembinaan modul oleh Sidek (2005). Model ini telah melibatkan dua peringkat iaitu peringkat menyediakan draf modul dan peringkat penilaian modul. Peringkat penyediaan draf mempunyai sembilan langkah bermula dengan membina matlamat sehinggalah penyatuan draf modul. Manakala peringkat kedua iaitu mencuba dan menilai modul pengajaran. Model pembinaan modul ini dapat dilihat dalam rajah 1.2 yang berikut:



Menyediakan Draf Modul

Mencuba dan Menilai Modul



Rajah 1.2. Model pembinaan Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme. Diadaptasi dan diubahsuai dari Model Modul Sidek 2005. (Sumber: Sidek & Jamaludin 2005)



1.9. Kepentingan Kajian

1.9.1 Kajian ini boleh dijadikan panduan oleh petugas Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) untuk mengikuti modul sebagai bahan pengajaran bagi aktiviti asas menggambar dan menentukan kaedah, bahan serta teknik yang sesuai bagi kategori yang berbeza-beza dalam kalangan pelatih autisme ini.

1.9.2. Kajian ini juga berguna untuk institusi yang menyediakan perkhidmatan untuk pelatih autisme dan mewujudkan kerjasama dengan menyediakan program atau bahan pengajaran supaya dapat disalurkan kepada semua pihak yang memerlukan/memperluas program pendidikan bagi pelatih autisme.

1.9.3. Kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk para pengkaji yang akan datang untuk membuat kajian yang lebih mendalam berkenaan dengan aktiviti seni visual yang lain. Kajian tersebut juga boleh menjadi sumber rujukan kepada pengkaji-pengkaji untuk pembangunan bahan pengajaran yang lain memandangkan kajian tentang pembinaan modul pengajaran asas menggambar untuk pelatih autisme masih kurang di Malaysia.





1.10 Batasan Kajian

Kajian pembinaan dan penilaian Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme berfokus kepada petugas PDK di sekitar Lembah Kelang dan pelatih autisme sebagai responden kajian. Sebanyak 142 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 63 orang responden yang terdiri daripada petugas yang bertugas di PDK di Kuala Lumpur dan Selangor yang terlibat dalam menjawab soal selidik analisis keperluan.

Sebanyak 20 orang responden iaitu pakar Pendidikan Khas dan Pendidikan Seni Visual telah dipilih untuk menjawab soal selidik bagi menentukan reka bentuk kandungan modul pengajaran yang menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*. Teknik ini digunakan bagi mereka bentuk modul pengajaran melalui pandangan pakar dan kesepakatan pakar akan menentukan reka bentuk kandungan modul yang akan dibangunkan. Seterusnya tiga orang responden kajian rintis yang terdiri daripada pelatih autisme yang mendapat bimbingan di dalam PDK Hulu Kelang. Pelatih yang dipilih terdiri daripada pelatih yang mengalami autisme sederhana teruk dan dipilih secara rawak.



Tiga orang pakar yang terdiri daripada pakar bidang Pendidikan Khas dan pakar Pendidikan Seni Visual yang menjawab soal selidik penilaian kesahan kandungan modul. Manakala tiga orang pakar modul yang terdiri daripada pakar bidang Pendidikan Khas dan pakar Pendidikan Seni Visual yang menjawab soal selidik penilaian kesahan kandungan modul pengajaran PDK asas menggambar untuk pelatih autisme. Seterusnya 15 orang responden yang terdiri daripada petugas PDK yang menjawab soal selidik kebolehpercayaan. Sebanyak lima orang pakar yang berkepakaran dalam Pendidikan Khas dan Pendidikan Seni Visual telah ditemu bual bagi mendapatkan tema untuk membentuk konstruk soal selidik analisis kebolehgunaan modul. Dalam konteks kajian, penyelidik telah menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* bagi mereka bentuk instrumen soal selidik tertutup.

Sebanyak 21 orang petugas PDK yang menjawab instrumen soal selidik analisis penilaian kebolehgunaan modul. Petugas tersebut adalah pengguna yang telah menggunakan Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar sebagai bahan sokongan dalam pengajaran. Selain itu, sembilan orang responden lain yang terlibat melalui temu bual dalam kajian ini terdiri daripada dua orang guru Pendidikan khas daripada Program Pendidikan Khas Integriti Masalah Pembelajaran (PKPI), dua orang petugas daripada Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK), seorang guru dari pusat latihan autisme, seorang pelukis yang mengajarkan golongan autisme, dua orang ibu kepada pelukis



autisme serta seorang profesional sebagai pakar rujuk autisme yang melibatkan diri dalam kajian pembinaan dan penilaian Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme.

1.11 Definisi Opersional

1.11.1 Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar

Menurut Sidek dan Jamaludin (2005) mendefinisikan bahawa modul sebagai satu pakej pengajaran yang mengandungi pecahan-pecahan kecil yang terperinci. Ianya direka bentuk supaya saling melengkapi dan memenuhi kehendak setiap bahagian yang disenaraikan dalam mata pelajaran yang hendak diajar. Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar ini dirancang untuk petugas yang mengajarkan PDK kepada pelatih autisme.

Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar ini merangkumi lima aktiviti menggambar iaitu lukisan, catan, resis, capan, dan cetakan. Setiap aktiviti menggambar akan disertakan panduan dan langkah pengajaran serta borang senarai semak untuk penilaian hasil karya menggambar yang telah dihasilkan oleh pelatih autisme. Borang senarai semak akan disertakan dengan deskriptor untuk memudahkan petugas menilai hasil karya pelatih autisme. Hoover (2009) menjelaskan bahawa penilaian berasaskan prestasi merupakan amalan penilaian di mana kemajuan pelajar dipantau melalui



penilaian terhadap sesuatu produk yang dihasilkan. Bender (2002) berpendapat bahawa penilaian berasaskan prestasi merupakan amalan penilaian yang bersandarkan kepada prestasi pelajar yang dinilai berdasarkan produk yang dihasilkan. Bender (2002) juga menegaskan lagi bahawa dalam amalan penilaian ini pelajar menunjukkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran melalui penghasilan produk yang sebenarnya.

Melalui penggunaan modul ini, petugas perlu menggalakkan pelatih untuk mencuba melalui pengolahan berbagai bahan, alat dan teknik yang akan dijadikan produk (karya) untuk pelbagai aktiviti menggambar. Proses penghasilan dalam aktiviti asas menggambar ini lebih bertujuan memberikan setiap pelatih autisme peluang membuat aktiviti menggambar untuk menjadikan mereka seorang yang yakin untuk berhubung melalui seni. Pelatih akan didedahkan dengan aktiviti asas menggambar menerusi penggunaan bahan manipulatif yang memudahkan pelatih untuk menghasilkan karya menggambar serta dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehi.

1.11.2 Pendidikan Seni Visual

Pendidikan Seni Visual (PSV) berkepentingan dalam pembelajaran sepanjang hayat kerana aktiviti seni tidak mempunyai pembatasan umur. PSV boleh dipelajari sejak dari peringkat kanak-kanak lagi hinggalah seseorang itu meningkat dewasa. Sementelah itu, PSV





menjurus kepada aktiviti yang berfungsi secara kontekstual dan mempunyai kepentingan yang membolehkan seseorang itu mengenal pasti kebolehan serta tahap kreativiti mereka melalui pelbagai aktiviti seni yang merangsang pemikiran seseorang pelajar. (Chua, Sharifah, Naim dan Wan Zah (2003) dalam Norzuraina (2015).

Selain itu, aktiviti dalam seni visual pula adalah proses PdP yang memberi keutamaan kepada aktiviti-aktiviti penghasilan karya yang bersumberkan daya pemikiran bagi memenuhi kehendak dalam tajuk melukis dan menggambar, berdasarkan kebolehan dan kreativiti murid. (KPM, 2017).



1.11.3 Menggambar

Menggambar merupakan satu representasi visual yang mengandungi suatu komposisi artistik yang dihasilkan melalui aplikasi warna di atas permukaan yang rata. Ilustrasi yang digunakan untuk menerangkan dengan lebih jelas tentang sesuatu objek. Selain itu, gambar ialah satu artifak yang menunjukkan satu kecenderungan terhadap sesuatu imej atau objek. Dalam penghasilan teknik menggambar, perkembangan, imaginasi, kreativiti, dan ekspresi diri seseorang pelatih perlulah diutamakan. (Dira 2010). Bidang ini membolehkan pelatih autisme mengenali lebih dekat lagi kemahiran asas dalam teknik menggambar. Menggambar lebih menekankan aspek ruang, struktur, imbalan,





dan komposisi dalam sesuatu hasil karya seni. (Afiq 2010). Terdapat pelbagai kegiatan yang dijalankan dalam bidang menggambar antaranya, lukisan, catan, capan, kolaj, montaj, cetakan, gosokan, resis, percikan, dan mozek. (Hajar 2015).

1.11.4 Autisme

Autisme merupakan gangguan perkembangan otak kanak-kanak yang dianggap sebagai kecacatan neurologi yang menyebabkan mereka akan mengalami masalah tertentu. Menurut kebiasaannya pengidap autisme ini menghadapi masalah komunikasi, interaksi sosial, pemikiran dan emosi serta berkaitan IQ. Kebiasannya tanda-tanda autisme kelihatan pada kanak-kanak di usia awal tiga tahun. Leo Kanner (1943) dalam Ellen, N. (2012), Pierangelo (2004), Clarissa (2009), dan Maitreya (2011).

Ciri-ciri yang jelas boleh dilihat adalah dalam aspek ketidakupayaan dalam komunikasi. Kajian oleh Clarissa (2009) mendapati pengidap autisme menghadapi masalah untuk berkomunikasi, menjalin hubungan sosial dan berfikir secara kreatif. Anak-anak autisme tidak peduli sama ada dipeluk atau tidak oleh ibu bapanya. Selain itu, di peringkat awal, mereka akan mengasingkan diri serta menunjukkan reaksi yang agresif ketika dipegang, disentuh dan dipeluk. Mereka tidak suka senyum dan





bertentang mata ketika berkomunikasi. Jika sakit, luka atau duka, anak autisme tidak akan meluahkan masalah untuk mengurangkan ketidakselesaian.

Ini bererti jarang adanya ekspresi perasaan muka dalam pertuturan. Mereka tidak suka menjalinkan hubungan dengan orang lain dan hidup dalam dunianya sendiri. Selain itu, pengidap autisme mempunyai suatu corak komunikasi yang digelar *echolalia*, iaitu suka mengulangi percakapan orang lain. Mereka juga sanggup menggunakan masa yang panjang untuk mengulangi sesuatu perbuatan seperti memusingkan badan dalam bulatan, melambai tangan di depan mata sendiri atau menggigit kuku. Wing dan Gould (1979) dalam Maitreya (2011).



1.11.5 Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK)

Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) atau *Community-Based Rehabilitation* (CBR) telah dipelopori oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). PDK adalah program yang diwujudkan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKW). Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah terlibat secara langsung dalam penyediaan manual dan seterusnya diberi peluang menilai dan mengubahsuai pelaksanaan program di PDK. Pada tahun 1984, JKM telah





mengambil inisiatif dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjalankan Projek Perintis PDK di Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu untuk melibatkan 55 orang kurang upaya (OKU).

Program PDK ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan berkembang dengan pesatnya ke seluruh negara sehingga kini. Antara pelatih-pelatih yang mendapat latihan di PDK terdiri dari golongan OKU seperti autisme, sindrom down, lembam, terncat akal ringan dan sederhana, hiper dan hipo aktif, celebral pasly, epilepsi dan pelbagai kecacatan. PDK adalah tempat untuk OKU berlindung, belajar pengurusan diri, belajar kemahiran dan bersosial sesama mereka. Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016).

bupsi

1.11.6 Petugas Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK)

Petugas PDK dalam konteks kajian ini adalah merupakan kaki tangan yang bertugas di PDK yang juga merangkap sebagai guru atau fasilitator kepada pelatih-pelatih di PDK yang mendapat elaun bulanan dari Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM). Kebanyakan daripada mereka berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan berkelulusan diploma. Dari segi latihan, petugas-petugas PDK tidak mendapat latihan formal yang mencukupi dalam mengendalikan





anak-anak OKU seperti guru-guru Pendidikan Khas di sekolah kerajaan yang menerima pendidikan formal di Institut Pendidikan Guru (IPG) atau universiti. Walau bagaimanapun, ada kalanya mereka dihantar berkursus oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberikan pendedahan kepada petugas-petugas PDK cara pengendalian pelatih-pelatih yang berkeperluan khas.

Petugas PDK ini bertanggungjawab menjalankan aktiviti pemulihan, pembelajaran dan kegiatan lain kepada pelatih PDK mengikut nisbah 1:5 mengikut kurikulum yang telah ditetapkan. Seseorang petugas itu perlulah mempunyai kreativiti dalam pembelajaran kerana setiap pelatih mempunyai karakter berlainan. Antara aktiviti yang diajar kepada pelatih seperti aktiviti seni dan kraf, bersukan, berkebun, menyanyi, menjahit dan bermacam lagi aktiviti pembelajaran di PDK bagi memastikan pelatih dapat menguruskan diri dan memiliki kemahiran asas. Selain itu, petugas PDK melaksanakan amanah melatih pelatih menguruskan diri dan mencari potensi sesuatu kemahiran yang ada dalam diri mereka. Petugas PDK perlu mempunyai kesabaran yang tinggi, menggunakan pendekatan pengajaran cuba jaya dengan pelatih dan yang paling penting perlu mendidik mereka supaya boleh berdikari dalam kehidupan seharian.





1.11.7 Pelatih Autisme

Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) yang menempatkan orang kurang upaya (OKU) dari pelbagai ketidakupayaan daripada fizikal dan mental dan sebilangan besar PDK adalah dihuni oleh OKU autisme. Pelatih-pelatih di PDK terbahagi kepada dua kategori iaitu kanak-kanak dan remaja. Tiga orang pelatih autisme yang dipilih sebagai responden kajian adalah terdiri daripada kategori remaja yang berusia antara 21 hingga 23 tahun. Pelatih autisme yang dikategorikan dalam masalah pembelajaran yang dalam kategori sederhana teruk. Ciri-ciri yang jelas boleh dilihat pada pelatih autisme ini adalah dalam aspek ketidakupayaan dalam berkomunikasi, menjalin hubungan sosial dan berfikir secara kreatif dan kelihatan hidup di dalam dunia mereka sendiri. Ketiga-tiga pelatih ini telah menamatkan persekolahan di sekolah pendidikan khas dan pusat latihan autisme. Kebanyakan pelatih autisme ketika berada di PDK hanya duduk diam dan pasif di tempatnya, selain daripada itu mereka kerap tersenyum dan ketawa sendiri tanpa sebab.

Terdapat juga pelatih autisme yang mampu berkomunikasi secara verbal tetapi agak terhad dengan pelatih-pelatih yang lain. Malahan ada pelatih autisme yang *non-verbal* mahu berkongsi luahan mereka bersama pelatih yang lain walaupun memang tidak difahami langsung apa yang dikongsi oleh pelatih tersebut. Walaubagaimanapun, petugas menunjukkan reaksi yang mereka benar-benar faham hasrat yang mereka



utarakan. Namun, apabila aktiviti seni dan kraftangan ini dilaksanakan, pelatih autisme kelihatan aktif, ceria dan mampu melaksana yang diarahkan. Objektif aktiviti Seni dan Kraftangan ini adalah untuk melatih kemahiran motor halus pelatih autisme. Kebanyakan daripada pelatih autisme mempunyai kemahiran motor halus yang sangat rendah yang menyebabkan ada dalam kalangan pelatih autisme yang tidak layak memasuki kelas Pendidikan Khas di sekolah biasa maka di PDK adalah tempat mereka menerima pendidikan asas.

1.12 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan latar belakang yang menyentuh tentang keperluan membina Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme di PDK. Modul pengajaran asas menggambar yang telah dibina dijadikan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran oleh petugas PDK untuk pelatih autisme. Penting untuk memahami bahawa pelatih autisme memerlukan satu sistem pembelajaran khusus yang berbentuk kemahiran motor halus seperti melukis, mewarna dan kegiatan seni yang lain sebagai persiapan kerjaya di masa hadapan. (Loh & Syed 2013). Manakala Marilyn (2011), Kamaliah & Wan Aminah (2010) matlamat paling penting dalam pendidikan untuk OKU seperti pelatih autisme adalah untuk mencari dan membangkitkan potensi keupayaan tetapi perlulah mendapat sokongan dari pelbagai pihak dan pemantauan



yang berterusan. Ianya memberi justifikasi yang jelas tentang tercetusnya kajian pembinaan dan penilaian Modul Pengajaran PDK Asas Menggambar untuk Pelatih Autisme.

